

Quran tentera: 50 peserta tunjuk bakat

Negara Malaysia

Bahan asal dari Arkib

KUALA LUMPUR, Selasa — Limapuluh peserta, 17 qari, 17 qariah dan 16 kanak-kanak akan mengambil bahagian dalam Musabaqah Membaca Quran Angkatan Tentera di Stadium Angkatan Tentera di sini, mulai malam esok.

Musabaqah tiga hari itu dirasmikan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Datuk Mohd. Ghazali Datuk Mohd. Seth manakala Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn pula menutup Musabaqah itu, Jumaat ini.

Musabaqah tahun ini dianggap istimewa kerana kedua qari dan qariah yang terkemuka di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa akan memperdengarkan bacaan masing-masing.

Mereka ialah Haji Ismail Hashim dan Hajjah Rogayah Sulong yang pernah beberapakali menyanggah Johan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Johan Qari dan Qariah akan menerima wang tunai \$2,500 seorang di samping tiket percuma menunaikan fardu haji ke Mekah.

Bagaimanapun, hadiah tiket itu tidak

akan diberi kepada johan jika pernah menerima hadiah seperti itu di tahun-tahun sebelumnya.

Sebaliknya, hadiah tersebut akan diberi kepada penyandang naib johan yang juga menerima wang tunai \$2,000.

Lima hadiah lain juga akan diberi kepada setiap bahagian. Peserta-peserta di peringkat akhir pula akan diberi cenderamata dan surat penghargaan.

Johan qari tahun lalu, Kpl. Haji Adnan Abdullah akan turut serta sebagai johan menunggu. Beliau akan ditentang hebat oleh dua bekas johan qari di masa-masa lalu.

Mereka ialah Kpl. Haji Saufi Ibrahim mewakili Markas Briged Ketiga Infentri yang pernah menyanggah Johan tahun 1976 dan Kpl. Haji Mat Haji Mat Nor dari Markas Briged Keempat Infentri Malaysia, Johan qari 1978.

Hajjah Kamariah Abu Bakar sebagai Johan menunggu akan ditentang hebat oleh Johan tahun 1977 dan 1978, Puan Maziah Mohd Shah dari Markas Briged Kesebelas Infentri Malaysia.